



Headline: Pesara rugi RM30,000 ditipu Macau Scam
Publication/Portal: Utusan Sarawak
Date: 4 August 2019

Language: Malay
Section: Tempatan
Page: 2

Pesara rugi RM30,000 ditipu Macau Scam

KEPALA BATAS: Seorang pesara kerugian RM30,000 selepas terpedaya dengan sindiket penipuan Macau Scam yang mendakwa lelaki itu terlibat dalam kes pengedaran dadah dan pengubahan wang haram, di sini Khamis lepas.

Ketua Polis Daerah Seberang Perai Utara (SPU) ACP Noorzainy Mohd Noor berkata dalam kejadian itu, lelaki warga emas berusia 62 tahun tersebut menerima panggilan daripada seorang lelaki yang memperkenalkan dirinya sebagai pegawai sebuah bank.

"Lelaki itu maklumkan bahawa mangsa mempunyai tunggakan pinjaman dengan bank tersebut. Selain itu, warga emas berkenaan turut dimaklumkan dia terlibat dalam kegiatan jenayah penge-

edaran 16 kilogram dadah dan sindiket pengubahan wang haram," katanya, di sini semalam.

Menurutnya, berikutan terlalu takut dan terkejut selepas menerima panggilan itu, mangsa bersetuju untuk membuat pemindahan wang ke dalam akaun bank seperti yang diberikan oleh suspek.

Beliau berkata siasatan mendapati mangsa telah melakukan satu transaksi pindahan wang ke dalam satu akaun dalam masa sehari melibatkan wang berjumlah RM30,000 pada hari Khamis.

Noorzainy berkata suspek mengarahkan mangsa supaya merahsiakan perkara itu terutama daripada keluarganya, dan jika ingkar, dia boleh ditahan oleh polis. - Bernama